# SUKAN MALAYSIA IX, 2002
# PERATURAN PERTANDINGAN GIMNASTIK ARTISTIK
# ( LELAKI & WANITA )

## 1.0 PERATURAN AM

1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-undang Permainan **Persekutuan Gimnastik Antarabangsa (FIG) dan Persekutuan Gimnastik Malaysia (MGF).**

1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-Undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.

1.3 Kejadian di luar dugaaan dan tidak nyatakan dalam peraturan atau Undang-Undang berkenaan akan diputuskan seperti berikut :-

1.3.1 Sebarang kejadian akan diputuskan berasas kepada **PERATURAN AM SUKAN MALAYSIA IX 2002.**

1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasas kepada Peraturan Persekutuan Gimnastik Antarabangsa (FIG) dan Persekutuan Gimnastik Malaysia (MGF).

1.4 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Gimnastik SUKMA IX, 2002 adalah muktamad.

## 2.0 TARIKH PERTANDINGAN

04 Sept hingga 07 Sept, 2002.

## 3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

Dewan Gimnastik,
Kompleks Sukan Kota Kinabalu,
Sabah



PDF created with FinePrint pdfFactory Pro trial version http://www.fineprint.com

## 4.0 PENYERTAAN

4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua pasukan Negeri, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Universiti-Universiti Malaysia (MASUM) dan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM). Penyertaan hendaklah dibuat melalui Majlis Sukan masing-masing.

4.2 Setiap Negeri, PDRM, MASUM dan MSSM hanya boleh mendaftarkan satu (1) Pasukan Lelaki dan satu (1) Pasukan Wanita terdiri daripada :-

| | **Pasukan Lelaki** | **Pasukan Wanita** |
|---|---|---|
| Pengurus Pasukan | 1 | 1 |
| Jurulatih | 1 | 1 |
| Pengadil | 1 | 1 |
| Peserta | 6 | 6 |
| | -------- | --------- |
| | **9 Orang** | **9 Orang** |
| | ======= | ======= |

4.2.1 Setiap pasukan hendaklah menghantar sekurang-kurangnya empat (4) peserta lelaki dan wanita.

4.2.2 Setiap pasukan jika tidak dapat menghantar satu (1) pasukan, maka dibenarkan tiga (3) orang peserta individu lelaki dan wanita untuk menyertai pertandingan individu.

## 5.0 KELAYAKAN PESERTA

5.1 Semua peserta Artistik Lelaki yang lahir pada tahun 1984 hingga 1993 layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.

5.2 Semua peserta Artistik Wanita yang lahir pada tahun 1986 hingga 1994 layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.

5.3 Semua peserta Artistik lelaki dan Wanita yang akan menyertai kejohanan ini mestilah memperolehi sijil kelulusan sekurang-kurangnya level 3 ke atas, MGF



PDF created with FinePrint pdfFactory Pro trial version http://www.fineprint.com

Classification Program bagi tiga (3) apparatus untuk Artistik Lelaki dan Dua (2) apparatus bagi Artistik Wanita.

5.4 Semua pasukan hendaklah mengemukakan dua (2) salinan Kad Pengenalan/Sijil Kelahiran dan tiga (3) keping gambar berukuran Pasport Antarabangsa bagi setiap peserta bersama dengan Borang Pendaftaran Peserta. Bagi peserta PDRM, kesahihan tarikh lahir hendaklah disahkan oleh Pengerusi / Setiausaha Majlis Sukan PDRM. Peserta yang dipilih daripada anggota Angkatan Tentera Di Raja Malaysia hendaklah menggunakan kad pengenalan BAT C 10 sebagai pengenalan rasmi masing-masing. Semua peserta JPN/1/11 mestilah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya sahaja.

5.5 Hanya peserta yang didaftarkan dengan Yuran Pendaftaran RM 20.00 seorang mengikut Peraturan Am perkara 6.2 sahaja yang layak menyertai pertandingan ini.

5.6 Peserta-peserta gantian yang dikemukakan selepas tarikh tutup pendaftaran / semasa taklimat Pengurus Pasukan akan dikenakan Yuran Pendaftaran RM 20.00 seorang. Gantian peserta hanya boleh dilakukan kepada peserta yang telah didaftarkan sebelum tarikh tutup pendaftaran. Semua Yuran Pendaftaran peserta tidak akan dikembalikan.

5.7 Seseorang gimnas kebangsaan hanya dibenarkan menyertai seperti mengikut Peraturan Am Perkara 4.6. Gimnas kebangsaan bermaksud gimnas-gimnas yang telah mewakili negara di pertandingan Sukan Sea XXI, 2001, SEAGCON Gymnastics Championships 2002, Asian Gymnastics Championships 2002.

5.8 Tertakluk kepada Peraturan Am perkara 20.7, peserta yang berkhidmat dengan PDRM dan pelajar-pelajar yang sedang menuntut di Pusat Pengajian Tinggi yang bergabung dengan MASUM tidak boleh mewakili mana-mana kontingen / negeri kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Sukan masing-masing.



PDF created with FinePrint pdfFactory Pro trial version http://www.fineprint.com

5.9 Atlet-atlet yang sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi yang mendapat biasiswa/dermasiswa Kerajaan negeri hendaklah dibenarkan mewakili negeri yang menaja mereka.

5.10 Taraf permastautin peserta adalah tertakluk kepada Peraturan Am perkara 20.11.

## 6.0 MESYUARAT/TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

6.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.

6.2 Pengurus-Pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta beserta dengan salinan Sijil Kelahiran/Kad Pengenalan atau Pasport Antarabangsa yang asal untuk disahkan.

6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad. Selepas Taklimat Pengurus Pasukan, sebarang permohonan pertukaran / gantian peserta tidak dibenarkan.

## 7.0 JENIS PERTANDINGAN

7.1 Jenis pertandingan Gimnastik Artistik Lelaki/Wanita SUKMA VII, 2002 seperti berikut:-

| | | | |
|---|---|---|---|
| 7.1.1 | Pertandingan | I | Berpasukan |
| 7.1.2 | Pertandingan Keseluruhan | II | Individu |
| 7.1.3 | Pertandingan Keseluruhan | III | Apparatus |

7.2 Pertandingan-pertandingan ini akan berdasarkan kepada corak pertandingan, keperluan Technical Regulations dan Code Of Points, Peringkat Junior, FIG, SEAGCON dan PGM.



PDF created with FinePrint pdfFactory Pro trial version http://www.fineprint.com

7.3 Acara-acara untuk lelaki

| | | |
|---|---|---|
| 7.3.1 | Senam Lantai | (Floor Exercise) |
| 7.3.2 | Kekuda Pelana | (Pommel Horse) |
| 7.3.3 | Gelangan Roman | (Roman Rings) |
| 7.3.4 | Melombol | (Vault) |
| 7.3.5 | Palang Sejajar | (Parellel Bars) |
| 7.3.6 | Palang Melintang | (Horizontal Bar) |

7.4 Acara-acara untuk wanita

| | | |
|---|---|---|
| 7.4.1 | Melombol | (Vault) |
| 7.4.2 | Palang Takmatiks | (Uneven Bars) |
| 7.4.3 | Batang Titian | (Balance Beam) |
| 7.4.4 | Senam Lantai | (Floor Exercise) |

## 8.0 FORMAT PERTANDINGAN (GIMNASTIK ARTISTIK)

8.1 Pertandingan I (Kejohanan Berpasukan) Latihan Sukarela (Optional)

8.2 Pertandingan II (Kejohanan Perseorangan) Latihan Sukarela (Optional)

8.3 Pertandingan III (Kejohanan Apparatus) Latihan Sukarela (Optional)

8.4 Pertandingan I - Kejohanan Pasukan

8.4.1 Semua ahli gimnas yang berdaftar dikehendaki menyetai pertandingan ini.

8.4.2 Gimnas dari pasukan yang tidak lengkap (kurang daripada 4 gimnas) tidak layak untuk pemilihan pasukan, terbaik, tetapi gimnas-gimnas tersebut akan mengambil bahagian di dalam pertandingan ini bagi melayakkan diri ke Kejohanan Perseorangn dan Kejohanan Apparatus).

8.4.3 Format pertandingan adalah 6 : 5 : 4.



PDF created with FinePrint pdfFactory Pro trial version http://www.fineprint.com

8.5 Pertandingan II (Perseorangan)

8.5.1 Maksimum lapan belas (18) gimnas lelaki yang terbaik dan lapan belas (18) gimnas wanita yang terbaik dari pertandingan I (Kejohanan Pasukan) layak bertanding untuk Kejohanan Perseorangan. Penyertaan ini terhad kepada tiga (3) lelaki dan tiga (3) wanita setiap pasukan.

8.6 Pertandingan III (Kejohanan Apparatus)

8.6.1 Dalam pertandingan ini lapan (8) Gimnas lelaki dan lapan (8) Gimnas wanita yang terbaik bagi tiap-tiap Apparatus di pertandingan I (Kejohanan Pasukan) layak bertanding untuk Kejohanan Apparatus. Penyertaan ini terhad kepada dua (2) lelaki dan dua (2) wanita bagi setiap pasukan.

8.6.2 Giliran pertandingan setiap Apparatus adalah melalui undian. Bagi setiap Apparatus dua (2) peserta gantian untuk lelaki dan wnita yang ditetapkan oleh Pengarah Pertandingan dikehendaki bersedia untuk bertanding sehingga acara dimulakan, sekiranya peserta layak menarik diri.

8.7 Kiraan Difficulty & Evaluation

8.7.1 Kiraan difficulty dan evaluation bagi gimnastik artistik lelaki seperti lampiran 'A'.

8.7.2 Kiraan difficulty dan evaluation bagi gimnastik artistik wanita seperti lampiran 'B'.

## 9.0 KEPUTUSAN KEDUDUKAN

9.1 Pertandingan I – Kejohanan Berpasukan

9.1.1 Untuk menentukan Johan Berpasukan, Formula yang berikut akan digunakan :-



PDF created with FinePrint pdfFactory Pro trial version http://www.fineprint.com

Skor terbaik 4 gimnas bagi 6 Apparatus MAG dan 4 Apparatus WAG di pertandingan 1 akan dikira untuk menentukan Johan Pasukan.

9.2 Pertandingan II – Kejohanan Perseorangan

Peserta lelaki dan wanita yang mendapat mata yang terbanyak di dalam apparatus yang dipertandingkan di peringkat ini akan diistiharkan sebagai Johan Individu Keseluruhan Lelaki dan Wanita.

9.3 Pertandingan III – Kejohanan Apparatus

Peserta lelaki dan wanita yang memperolehi mata tertinggi bagi sesuatu Apparatus pertandingan III akan diistiharkan sebagai Johan Apparatus.

## 10.0 PAKAIAN

Pakaian semua peserta adalah mengikut Undang-Undang Gimnastik FIG.

## 11.0 ALAT-ALAT DAN MUZIK ARTISTIK

11.1 Muzik

Semua Gimnas wanita yang menggunakan muzik dikehendaki menyerahkan satu salinan pita-pita rakaman muzik kepada Jawatankuasa Penyertaan semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan.

## 12.0 JAWATANKUASA TATATERTIB/BANTAHAN

12.1 Pengarah Pertandingan dan Pengerusi Teknikal akan dilantik oleh Persekutuan Gimnastik Malaysia.

12.2 Persekutuan Gimnastik Malaysia setelah berunding dengan dan dipersetujui oleh Persatuan Gimnastik Negeri-Negeri, PDRM dan MASUM akan melantik Pengadil-Pengadil yang bertauliah untuk bertugas di sepanjang kejohanan. Persekutuan Gimnastik Malaysia berhak melantik pengadil-pengadil tambahan jika difikirkan perlu.



PDF created with FinePrint pdfFactory Pro trial version http://www.fineprint.com

## 13.0 JAWATANKUASA BANTAHAN/TATATERTIB

13.1 Perlantikan Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib dan prosedur aturcara mesyuarat adalah seperti yang digunakan oleh Persekutuan Gimnastik Malaysia seperti berikut :-

13.1.1 Presiden Persekutuan Gimnastik Malaysia atau Wakil

13.1.2 Pengarah Pertandingan

13.1.3 Ketua Delegat Teknikal

13.1.4 Dua (2) orang Pengurus Pasukan yang tidak terlibat dalam kes ini.

13.2 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib akan bersidang dalam masa 2 jam setelah menerima laporan dari pengadil atau Pegawai Pertandingan dan akan membuat sesuatu keputusan jika tindakan tatatertib perlu diambil.

13.3 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib berhak mendapat sebarang maklumat daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.

## 14.0 BANTAHAN DAN RAYUAN

14.1 Pengurus pasukan yang membuat bantahan/rayuan secara bertulis kepada Pengarah Pertandingan setengah (1/2) jam selepas tamatnya perlawanan itu dengan menyertakan wang pertaruhan sebanyak RM 200.00 tunai.

14.2 Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.

14.3 Semua keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa Bantahan/Rayuan adalah muktamad.



PDF created with FinePrint pdfFactory Pro trial version http://www.fineprint.com

## 15.0 PENGADIL/HAKIM

15.1 Pengarah Pertandingan dan Delegat Teknikal akan dilantik oleh Persekutuan Gimnastik Malaysia.

15.2 Persekutuan Gimnastik Malaysia setelah berunding dengan dan dipersetujui oleh Persatuan Gimnastik Negeri-Negeri, PDRM dan MASUM dan MSSM akan melantik Pengadil-Pengadil yang bertauliah untuk bertugas di sepanjang kejohanan. Persekutuan Gimnastik Malaysia berhak melantik pengadil-pengadil tambahan jika difikirkan perlu.

15.3 Semua keputusan yang dibuat oleh pengadil adalah muktamad.

15.4 Taklimat pengadil akan diadakan sebelum pertandingan dijalankan. Semua Pengadil diwajibkan hadir dalam taklimat/seminar tersebut.

## 16.0 MASA DAN TEMPAT LATIHAN

16.1 Pasukan-pasukan yang boleh membuat latihan seharian sebelum jadual perlawanan diadakan. Masa untuk latihan bagi setiap pasukan adalah satu (1) jam sahaja. Jadual dan tempat latihan akan disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal Gimnastik.

## 17.0 STRATEGI PELAKSANAAN

17.1 Strategi pelaksanaan akan diedarkan kepada semua pasukan empat (4) minggu sebelum pertandingan.

## 18.0 HADIAH-HADIAH

18.1 Pingat-pingat akan diberikan kepada seperti berikut :-

18.1.1 Acara Berpasukan Lelaki

| | | |
|---|---|---|
| JOHAN | - | 6 EMAS |
| NAIB JOHAN | - | 6 PERAK |
| KETIGA | - | 6 GANGSA |



PDF created with FinePrint pdfFactory Pro trial version http://www.fineprint.com

18.1.2 Acara Berpasukan Wanita

| | | |
|---|---|---|
| JOHAN | - | 6 EMAS |
| NAIB JOHAN | - | 6 PERAK |
| KETIGA | - | 6 GANGSA |

18.1.3 Acara Perseorangan Lelaki

| | | |
|---|---|---|
| JOHAN | - | 1 EMAS |
| NAIB JOHAN | - | 1 PERAK |
| KETIGA | - | 1 GANGSA |

18.1.4 Acara Perseorangan Wanita

| | | |
|---|---|---|
| JOHAN | - | 1 EMAS |
| NAIB JOHAN | - | 1 PERAK |
| KETIGA | - | 1 GANGSA |

18.1.5 Acara Apparatus lelaki

| | | |
|---|---|---|
| JOHAN | - | 6 EMAS |
| NAIB JOHAN | - | 6 PERAK |
| KETIGA | - | 6 GANGSA |

18.1.6 Acara Apparatus Wanita

| | | |
|---|---|---|
| JOHAN | - | 4 EMAS |
| NAIB JOHAN | - | 4 PERAK |
| GANGSA | - | 4 GANGSA |

18.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada Peraturan Tetap 14.3

Disediakan Oleh:
Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan
Sukan Malaysia IX, 2002
*peraturan am sukma 2002/gimnas/200301/azhar*



PDF created with FinePrint pdfFactory Pro trial version http://www.fineprint.com

**LAMPIRAN 'A'**

**SUKAN MALAYSIA IX, 2002**
**GIMNASTIK ARTISTIK LELAKI**

**Evaluation of Optional Exercises**

As per MGF modification rules :-

| NO | REQUIREMENTS | SUKMA 2002 |
|---|---|---|
| 1 | *Evaluation of Exercises Comp I, II, III*<br><br>Men : Difficulty (value parts)<br>Special Requirements-<br>FIG- 5 value elements<br>(5 x 0.20 each)<br>Bonus<br><br>Execution (B-Jury)<br><br>1 (a) Comp II & III - As per FIG rules | 3A 2B 1C 3.20<br><br><br>1.00<br>0.80<br>5.00<br>5.00<br>Total 10.00 |
| 2 | *Evaluation of Vaults*<br><br>Men : | 1 vault for competition I/II<br><br>2 different vault for Comp 3 (average score) |
| 3 | *Equipment*<br><br>Men : | FX, PH, R, PB, HB-FIG Standard<br><br>Vault (vertical)-minimum of 1.00 from floor |



PDF created with FinePrint pdfFactory Pro trial version http://www.fineprint.com

| NO | REQUIREMENTS | SUKMA 2002 |
|---|---|---|
| 4 | *Value of Difficulty Parts*<br><br>Men : | <br><br>A B C<br>0.4 0.6 0.8 |
| 5 | *Bonus Points*<br><br>Men : | <br><br>Each D-0.20<br>Each E-0.40<br>Each Super E-0.60<br>Connection Bonus as per FIG 2001 Code of Points. |
| 6 | Short routines | Where a routine has 5 listed elements or less, each missing element will have a 1pt deduction, the deduction being taken by the A Jury.<br><br>This deduction is for exercise composition and is separate from the deduction for the difficulty requirement. |
| 7 | Competition II | Best 12 from Comp I.<br>Maximum of 3 per state/team |
| 8 | Competition III | The best 8 gymnast will qualify for Comp III.<br>Maximum of 2 per state/team |
| 9 | Qualifying Ties | As per FIG |
| 10 | Ties in Finals | Ties in Finals will not be broken |



PDF created with FinePrint pdfFactory Pro trial version http://www.fineprint.com

**LAMPIRAN 'B'**

**SUKAN MALAYSIA IX, 2002**
**GIMNASTIK ARTISTIK WANITA**

| NO | REQUIREMENTS | SUKMA 2002 |
|---|---|---|
| 1 | *Evaluation of Exercises Comp I, II, III*<br><br>Women: Difficulty - each A (0.4)<br>Value – each B (0.6)<br>- each C (0.8)<br>Special Requirements-<br>Missing each SR (0.2)<br>Bonus ( CV & AV each<br>C-0.1, D –0.2)<br>Execution &<br>Artistry Presentation | 3A 2B 1C 3.20<br><br>6 SR 1.20<br><br>0.60<br>4.70<br>0.30<br>Total 10.00 |
| 2 | *Evaluation of Vaults*<br><br>Women : Kindly refer to the Code of Point vault chart Start Value (SV)<br><br>Special Requirement#<br>Missing each SR (1.0)<br>After Final Score (FS) | Competition I & II<br>* 2 same or different vaults<br>* FS – Best vaults<br><br>Competition III<br>* 2 different vaults may come from the same group.<br>* FS - Average of 2 vault |
| 3 | *Equipment*<br><br>Vault – 1.20 – 1.25m<br><br>Uneven Bars – LB 1.55m, HB 2.35m & W 1.00-1.60m Written notice is required if wish to raise both Bar rails | * A 5cm mat is allowable for landing safety purpose on VT, UB & BB only<br>* Other unauthorized extra matting are not permitted. |



PDF created with FinePrint pdfFactory Pro trial version http://www.fineprint.com

| | | |
|---|---|---|
| | at 5cm maximum.<br><br>Balance Beam – 1.20m<br><br>Floor  Exercise – 12m x 12m | Please refer to the other FIG rules and regulation.<br>* VT, UB & BB height are measured from the floor. |

| **NO** | **REQUIREMENTS** | **SUKMA 2002** | | |
|---|---|---|---|---|
| 4. | **Event** | **Uneven Bars** | **Balance Beam** | **Floor Exercise** |
| | Competition I, II & III | ◆ 1 minimum A - element from LB -> HB<br><br>◆ 1 minimum B - element from HB -> LB<br><br>◆ 1 minimum A - element on LB<br><br>◆ 1 Giant Circle<br><br>◆ 1 Kip on HB<br><br>◆ 1A Salto dismount - comp. I & II<br>1 B Salto dismount - comp. III<br><br># Short routine (less than 5 element, minus 2.00 pts from final score) | ◆ 1 Acro flight/Acro flight series.<br><br>◆ 1 Dance and Dance/Acro series<br><br>◆ 1 180 degree forward split leap/jump<br><br>◆ 1 hold element from the table<br><br>◆ 1 leg turn 360 degree turn<br><br>◆ 1A Salto dismount - comp. I & II<br>1 B Salto dismount - comp. III<br><br># Short routine (less than 5 element, minus 2.00 pts from final score)<br><br># Exercise duration = or < 1.30min. Warning signal at 1.0min. (Overtime – 0.1 pts) | ◆ 1 Acro series<br><br>◆ 1 Acro series with 2 salto<br><br>◆ 3 different salto<br><br>◆ 1 Dance leap series in 2<br><br>◆ 1 B -leg turn<br><br>◆ 1A Salto dismount - comp. I & II<br>1 B Salto dismount - comp. III<br><br># Short routine (less than 5 element, minus 2.00 pts from final score)<br><br># Exercise duration = or < 1.30min. Warning signal at 1.0min. (Overtime – 0.1 pts) |



PDF created with FinePrint pdfFactory Pro trial version http://www.fineprint.com

| No | Requirement | SUKMA 2002 |
|---|---|---|
| 5 | **<u>Music</u>**<br><br>All gymnasts must surrender their cassette to the competition music coordinator one day before the podium training rehearsal session with | * Music recorded on the side A of the cassette .<br>* Fully rewinds.<br>* Name, state and number written on the cassette. |
| 6 | **<u>Tie Breaking Rules</u>**<br><br>Kindly refer to Technical Regulation of Artistic Gymnastics for Tie Breaking Rules from Reg. 4.4.1, Reg. 5.1.5 to Reg. 5.1.7.<br><br>Other competition rules and regulations are strictly adhering to the FIG Code of Point and FIG Technical Regulation. | |



PDF created with FinePrint pdfFactory Pro trial version http://www.fineprint.com